

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pengenalan

Dalam tahun-tahun 60an dan 70an ahli-ahli linguistik dan para penyelidik Barat menunjukkan minat yang mendalam terhadap topik atau isu-isu berkenaan analisis kesilapan dan analisis kontrastif. Tumpuan diberikan kepada kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar bahasa dan perbezaan antara bahasa ibunda (B1) dan bahasa kedua (B2), dan masalah yang berpunca dari B2 iaitu bahasa sasaran.

Pendapat oleh tokoh-tokoh bahasa dan persetujuan mengenai definisi strategi pembelajaran bahasa masih dipertikaikan sehingga kini. Tambahan pula perilaku pelajar lebih menunjukkan kepada proses pembelajaran bahasa daripada strategi. Misalnya, Selinker (1972 dalam Bialystok, 1983) telah mengutarakan lima proses utama dalam pembelajaran bahasa iaitu: pemindahan bahasa, pemindahan latihan, strategi pembelajaran bahasa kedua, strategi komunikasi bahasa kedua dan generalisasi terlampau tentang bahan linguistik bahasa sasaran. Pemindahan bahasa di sini bolehlah disamakan

dengan terjemahan literal yang berpunca dari gangguan bahasa ibunda tetapi ini tidak seharusnya dilihat secara negatif, kerana pembelajaran bahasa boleh berlaku dan seterusnya membantu dan melicinkan komunikasi pelajar. Walaupun pembelajaran bahasa berpusat kepada pelajar, namun perhatian tidak diberi kepada strategi tetapi lebih kepada strategi pembelajaran itu sendiri terutama sekali dari aspek kesilapan interlingual dan intralingual.

Sejak tahun-tahun kebelakangan ini pula para penyelidik linguistik lebih berminat untuk mengkaji proses pembelajaran dan tumpuan diberikan kepada pelajar itu sendiri dalam penggunaan strategi komunikasi dalam sistem antarabahasanya untuk berkomunikasi.

Pada dasarnya bab ini membincangkan teori-teori dan definisi strategi komunikasi oleh beberapa orang ahli linguistik. Oleh kerana banyak terdapat pendapat yang berbeza mengenai strategi komunikasi maka timbulah isu-isu yang bercanggah dan definisi yang muktamad dan jitu masih belum dapat ditentukan. Bab ini juga menyentuh tentang ciri-ciri dan klasifikasi strategi komunikasi.

2.1 Teori Tentang Strategi Komunikasi

Menurut Corder (1983:15) pengkaji yang pertama mengenai fenomena strategi komunikasi ialah Varadi tetapi kajiannya tidak mendapat perhatian yang meluas. Namun penyelidikannya diikuti oleh Tarone, Cohen dan Dumas untuk memberi satu rangka analisis strategi komunikasi supaya dapat dikenal pasti jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar B2 untuk menyampaikan maksud.

Pendapat Corder (ibid) mengenai strategi komunikasi ialah sebagai satu teknik yang sistematik yang digunakan oleh seorang penutur untuk menyampaikan maksud apabila mengalami masalah. Apa yang dimaksudkan dengan masalah di sini ialah si penutur tidak menguasai bahasa yang secukupnya untuk berinteraksi. Menurutnya lagi strategi komunikasi berkait rapat dengan tujuan dan maksud. Bagi seorang penutur asli tujuan dan maksud berseimbangan, dan dia dapat meluahkan mesejnya oleh kerana pengetahuan linguistik yang ada padanya. Dengan ini tujuannya untuk menyampaikan maksud tercapai. Sebaliknya, tujuan dan maksud tidak seimbang bagi pelajar B2. Walaupun dia ingin mencuba menyampaikan mesej, tetapi sumber linguistiknya tidak mengizinkannya menyatakan tujuannya yang sebenar dengan

jayanya. Apabila berhadapan dengan situasi seperti ini, pelajar hanya mempunyai dua pilihan dengan menggunakan salah satu daripada strategi berikut:

- (a) Strategi penyesuaian mesej atau strategi pengelakan risiko - pelajar akan menyesuaikan mesej dengan sumber linguistik yang ada padanya.
- (b) Strategi pengembangan sumber - pelajar mencuba menambah sumber linguistiknya dengan satu cara untuk menyampaikan maksud dalam komunikasinya.

Dalam teori strategi penyesuaian mesej, terdapat beberapa pengelakan yang diutarakan oleh Corder (*ibid*):

- (a) pengelakan topik bermaksud pelajar dengan sengaja tidak mahu meneruskan perbualan mengenai sesuatu bidang atau topik kerana dikongkong oleh perasaan kekurangan pengetahuan linguistik. Contoh pengelakan topik ialah dengan meninggalkan mesej iaitu pelajar terus berhenti bercakap setelah mencuba menyampaikan mesej tetapi tidak dapat berfikir lagi mengenai topik tersebut.
- (b) pengelakan semantik berlaku apabila pelajar mengatakan sesuatu yang berbeza sedikit daripada apa yang hendak diperkatakan, tetapi masih berkaitan dengan topik.
- (c) pengurangan mesej adalah yang paling tidak ketara dalam penyesuaian mesej. Pelajar menyampaikan sesuatu mesej dengan tidak sebegitu tepat tetapi menyatakannya dengan secara umum sahaja.

Dalam strategi pengembangan sumber pula terdapat satu atau lebih strategi yang digunakan pada masa yang sama. Contohnya (Corder, ibid):

- (a) Peminjaman iaitu penggunaan sumber linguistik selain daripada bahasa sasaran. Bentuk peminjaman yang paling ketara ialah penukaran kod kepada bahasa lain.
- (b) Parafrasa ialah cara untuk mengatasi masalah dengan pengetahuan linguistik yang ada pada pelajar.
- (c) Paralinguistik iaitu isyarat atau pergerakan yang digunakan sebagai rayuan meminta pertolongan dari pendengar bagi sesuatu perkataan atau ungkapan.

Selain daripada Corder terdapat beberapa pengkaji lain yang menunjukkan bahawa penggunaan strategi komunikasi berbeza mengikut tahap kecekapan seseorang pelajar. Contohnya kajian Tarone (1977) terhadap sekumpulan pelajar B2 yang diberi tugas bercerita secara lisan. Tumpuan diberikan kepada dua strategi umum iaitu pengelakan dan parafrasa untuk menilai pencapaian komunikasi pelajar. Mengikut penemuan beliau, pelajar yang kurang cekap lebih suka menggunakan strategi pengelakan, manakala pelajar yang mahir lebih gemar menggunakan parafrasa.

Menurut Ellis (1984), sekiranya para guru menilai pencapaian pelajar dengan memberi perhatian kepada ketepatan bahasa, ini bererti mereka menilai secara negatif segala strategi yang membawa kepada kesilapan. Sebaliknya, jika tumpuan diberikan kepada komunikasi, mereka menilai penggunaan strategi pencapaian secara positif.

Ellis (ibid) telah menjalankan satu kajian perbandingan pencapaian komunikasi terhadap dua kumpulan pelajar. Dalam kajian ini semua pelajar dapat berkomunikasi sesuatu tentang gambar yang diberikan, dan pelajar Bl dapat berkomunikasi dengan memberi maklumat yang lebih dan tidak banyak mengguna strategi pengelakan. Mereka juga menggunakan bahasa dan gaya yang sesuai dan dapat diterima oleh pendengar. Mereka juga tidak banyak mengguna parafrasa.

Menurut Corder (1981) parafrasa adalah satu perkara yang positif kerana ia menolong menyemarakkan komunikasi, dan ini lebih memberi input dalam bahasa sasaran. Namun, parafrasa boleh menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kurang pengetahuan dalam bahasa sasaran itu. Dengan ini parafrasa menjadi satu pengukur penting bagi pencapaian komunikasi. Oleh itu seorang pelajar yang tidak mengguna parafrasa atau

strategi pengelakan dianggap lebih baik daripada seorang pelajar yang banyak menggunakan strategi tersebut.

Saya setuju dengan pendapat Ellis dan Corder mengenai strategi pengelakan. Selalunya penutur B2 membuat beberapa pengelakan dalam komunikasi sekiranya tidak dapat memberi perkataan yang sesuai. Ini menunjukkan penutur B2 masih belum menguasai leksikon B1 sehinggakan dia terpaksa bergantung kepada penggunaan strategi komunikasi. Selain daripada melakukan pengelakan, penutur B2 mungkin juga memimikkan mukanya atau pun meminta bantuan dengan menggunakan isyarat atau membegakan perbuatan.

Sememangnya akan wujud perbezaan kuantitatif sekiranya penutur B2 banyak atau kerap menggunakan pengelakan dalam komunikasi untuk menyampaikan sesuatu maksud atau mesej, sedangkan penutur B1 hanya menggunakan sedikit pengelakan sahaja.

Penggunaan parafrasa pula dapat mewujudkan perbezaan kualitatif apabila penutur B1 menggunakan parafrasa dan hanya sedikit pengelakan. Ini adalah kerana penutur B1 mempunyai sumber linguistik yang kukuh dan mantap untuk menyampaikan mesejnya dengan

menggunakan bahasa yang bertepatan.

Bialystok (1983) pula telah menjalankan satu kajian strategi komunikasi terhadap sekumpulan pelajar yang mempelajari Bahasa Perancis sebagai bahasa kedua. Penemuan dalam kajian beliau menunjukkan pelajar banyak menggunakan strategi komunikasi yang berdasarkan B2 berbanding dengan penggunaan jenis strategi komunikasi yang lain. Ini bererti, pelajar yang mempunyai pengetahuan B2 yang mantap dapat menyesuaikan pengetahuan linguistiknya dengan strategi yang hendak digunakan dalam komunikasi, dan ini boleh membawa kepada keberkesanan penggunaan strategi komunikasi.

Dalam kajian pemerolehan B2 terdapat istilah-istilah yang berhubung kait dan selalunya strategi komunikasi dikaitkan dengan strategi-strategi lain seperti strategi pembelajaran, strategi penghasilan dan strategi persepsi yang diutarakan oleh Tarone (1983). Bialystok (1990) dan Blum-Kulka dan Levenston (1983) pula membezakan strategi dengan proses pembelajaran yang membawa kepada kontroversi. Dengan ini apa yang mengelirukan ialah sama ada istilah-istilah teknikal tersebut merujuk kepada fenomena yang sama.

Banyak kajian secara empirik telah dijalankan mengenai strategi komunikasi tetapi terdapat sesetengah pengkaji hanya memberikan tumpuan kepada sesuatu strategi yang tertentu sahaja dalam kajian mereka. Misalnya kajian yang dijalankan oleh Varadi (1983) hanya mementingkan strategi penyesuaian mesej sahaja. Blum-Kulka dan Levenston (1983) pula hanya menumpu kepada strategi simplifikasi leksikal, Haastrap dan Phillipson (1983) mengutamakan strategi pencapaian, sementara Ellis (1984) menumpu kepada strategi pencapaian dan strategi pengelakan.

Fenomena strategi komunikasi bukan sahaja menarik minat pengkaji-pengkaji di negara Barat untuk menjalankan penyelidikan, bahkan juga menarik minat beberapa orang pengkaji di Malaysia oleh kerana strategi komunikasi boleh dianggap sebagai salah satu aspek dalam pemerolehan B2.

2.2 Strategi Komunikasi Sebagai Satu Aspek Dalam Sistem Antarabahasa

Menurut Corder (1983) orang yang pertama membangkitkan tentang strategi komunikasi ialah Selinker. Dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Interlanguage' atau sistem antarabahasa, Selinker (1974) menganggap strategi komunikasi sebagai salah

satu kesilapan yang dilakukan oleh pelajar B2 dalam usahanya untuk menyampaikan mesej dengan spontan walaupun pelajar itu tidak menguasai sistem bahasa sasaran atau B2 dengan sepenuhnya.

Dengan ini Corder (ibid) telah membuat satu kesimpulan bahawa semua pengguna bahasa mengamalkan penggunaan strategi untuk menyampaikan maksud, tetapi kita hanya dapat melihat penggunaannya dengan lebih jelas apabila penutur itu bukan seorang penutur asli yang menggunakan bahasa ibundanya. Ini menunjukkan bahawa pelajar B2 lebih memerlukan penggunaan strategi kerana belum mahir dalam segala aspek pengetahuan B2, lantas belum dapat menguasai penggunaan B2 dengan sempurna untuk berkomunikasi.


'Interlanguage' atau antarabahasa yang diutarakan oleh Selinker merujuk kepada satu sistem bahasa yang digunakan oleh pelajar B2 yang masih belum dapat menguasai B2 dengan sepenuhnya tetapi masih mahu berusaha untuk memajukan tahap pencapaiannya kepada satu tahap pencapaian yang lebih tinggi apabila didedahkan kepada unsur-unsur yang boleh memajukan pembelajaran B2. Salah satu cara untuk meninjau penggunaan sistem antarabahasa pelajar B2 ialah dengan mengkaji ujaran pelajar B2 dalam komunikasi. Ramai

para pengkaji memberi fokus kepada proses pembelajaran B2 melalui perkembangan antarabahasa dan bagaimana pengguna antarabahasa membina dan mengembangkan sistem antarabahasanya (Faerch dan Kasper, 1983b).

Pembelajar^{an} bahasa sering dikaitkan dengan strategi yang digunakan oleh pengguna antarabahasa dalam mengembangkan sistem antarabahasanya (Dulay dan Burt, 1975; Faerch dan Kasper, 1983a dalam Faerch dan Kasper, 1983b). Selalunya pembelajaran berlaku melalui komunikasi dalam situasi yang tidak formal, dan pada kebiasaannya pembelajaran dan komunikasi berlaku serentak dalam pemerolehan B1 dan B2.

Menurut Faerch dan Kasper (1983), pembelajaran B2 merujuk kepada proses pembelajaran di mana pelajar menyedari peraturan-peraturan dalam B2 dan kemudian dapat menguasainya dengan mengembangkan satu kontinum sistem antarabahasa. Kontinum ini menunjukkan tahap-tahap perkembangan dalam proses pembelajaran bahasa kedua, dan pengaruh bahasa ibunda pelajar masih kuat terhadapnya semasa di peringkat permulaan (A) jika dibandingkan dengan peringkat akhir (C). Dengan kata lain, kontinum sistem antarabahasa ini sentiasa berubah-ubah dan bergerak daripada satu tahap ke satu tahap sehingga menghampiri penggunaan bahasa sasaran.

Rajah berikut mungkin dapat memberi satu gambaran mengenai kedudukan pelajar B2 dalam kontinum yang dimaksudkan.



Rajah 1: Kontinum Sistem Antarabahasa Pelajar

Berkomunikasi dengan menggunakan antarabahasa pula merujuk kepada cara-cara seorang pelajar menggunakan sistem antarabahasanya dalam interaksi (Faerch dan Kasper, *ibid*). Pelajar yang tidak mengalami sebarang masalah semasa merancang dan meluahkan ujaran mungkin menghasilkan antarabahasa yang dapat diterima oleh pendengar. Sebaliknya, pelajar yang mengalami masalah dalam penggunaan antarabahasanya akan beralih kepada penggunaan strategi untuk mengatasi masalah yang dihadapinya. Dengan ini kita dapat membezakan penggunaan antarabahasa yang strategik atau yang bukan strategik. Oleh itu penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi antarabahasa boleh disamakan seperti penggunaan antarabahasa yang strategik.

2.3 Isu-Isu Yang Bercanggah

Pendapat beberapa orang pengkaji mengenai strategi komunikasi membawa kepada beberapa isu yang bercanggah dan pendirian yang berbeza. Ini adalah kerana strategi digunakan dalam pembelajaran dan penggunaan bahasa selain daripada digunakan dalam komunikasi. Sebagai contoh, Tarone (1980) mempertikaikan perbezaan antara strategi komunikasi dan strategi penghasilan. Faerch dan Kasper (1983) pula memberi tanggapan bahawa strategi digunakan dalam penggunaan bahasa.

Dalam kedua-dua pendapat, motivasi yang mendorong untuk menggunakan strategi jelas berkait rapat dengan komunikasi. Namun jenis strategi yang digunakan dan kesan penggunaannya kurang diberi perhatian.

Tinjauan mengenai pendapat dan pandangan beberapa orang pengkaji telah menunjukkan perbezaan antara strategi pembelajaran dengan strategi komunikasi, strategi dengan proses, dan strategi dengan kesilapan. Semoga dengan tinjauan ini strategi komunikasi dapat dilihat dengan secara lebih jelas.

2.3.1 Strategi Pembelajaran dan Strategi Komunikasi

Salah satu kekeliruan utama di antara strategi pembelajaran dan strategi komunikasi ialah kerana ramai yang menganggap kedua-duanya sama (Corder, 1983:16). Keadaan ini berlaku mungkin kerana dalam kedua-dua hal, data yang digunakan untuk kajian adalah sama iaitu ujaran-ujaran pelajar dalam sistem antarabahasanya. Ada kalanya perkara ini lebih merumitkan lagi untuk mengenal pasti ciri-ciri tertentu dalam ujaran pelajar B2 sama ada ujaran itu hasil daripada sistem antarabahasanya atau hasil daripada sejenis strategi komunikasi yang digunakan dengan secara tidak sengaja.

Ciri-ciri ujaran penutur yang mempunyai persamaan dengan ciri-ciri ujaran bahasa ibunda penutur tersebut akan menghasilkan tatabahasa antarabahasa yang direka olehnya, (Corder, ibid). Oleh yang demikian pelajar itu telah menggunakan sistem bahasa ibundanya sebagai satu teknik huristik. Ciri seperti ini dikenali sebagai gangguan dan strategi pembelajaran yang menghasilkannya dipanggil strategi pemindahan.

Seorang penutur B2 mungkin meminjam perkataan atau ciri-ciri dalam bahasa ibundanya hanya dengan tujuan untuk menyampaikan mesej dengan segera, tetapi tidak

menggabungkan perkataan itu terlebih dahulu ke dalam sistem antarabahasanya. Sekiranya perkataan yang dipinjam itu diterima oleh pendengar sebagai sesuatu yang dapat diterima dalam bahasa sasaran, maka dia dianggap mengguna sejenis strategi komunikasi iaitu strategi peminjaman.

Menurut Corder (*ibid*), Hatch (1978 dalam Faerch dan Kasper, 1983) berpendapat bahawa, 'Language learning evolves out of learning how to carry on conversations'. Kenyataan ini ada kebenarannya kerana penutur dan pendengar mungkin bekerjasama untuk menghasilkan atau meneruskan perbualan mengenai sesuatu topik. Justeru itu berkembangnya pembelajaran bahasa.

Ada kalanya pelajar ingin menyampaikan mesej tetapi sumber linguistiknya tidak mengizinkannya untuk berbuat demikian. Oleh itu dia boleh menyesuaikan mesejnya dengan sumber yang diketahuinya. Corder (1983:17) berpendapat 'successful strategies of communication may eventually lead to language learning'. Kenyataan ini memberikan satu implikasi pedagogi dan strategi komunikasi dapat dilihat dengan jelas sebagai salah satu cara pengajaran dan pembelajaran bahasa yang baik kerana dapat menggalakkan strategi pengembangan sumber dalam komunikasi untuk menyampaikan maksud.

Tarone (1983: 67) pula mendefinisikan strategi pembelajaran sebagai:

"an attempt to develop linguistic and sociolinguistic competence in the target language - to incorporate these into one's interlanguage competence."

Definisi ini jelas berbeza dengan takrif yang diberikannya untuk strategi komunikasi yang berbunyi:

"Communication strategies are used to compensate for some lack in the linguistic system, and focus on exploring alternative ways of using what one does know for the transmission of a message."

Dari kedua-dua definisi ini Tarone telah menggunakan kriteria motivasi untuk strategi komunikasi dan strategi pembelajaran. Menurut Tarone (*ibid*), pengguna strategi pembelajaran bermotivisasikan keinginan untuk mempelajari bahasa sasaran dan sebaliknya penggunaan strategi komunikasi bermotivisasikan keinginan untuk menyampaikan mesej. Oleh yang demikian, strategi pembelajaran merangkumi aspek-aspek dalam pembelajaran bahasa seperti mengeja, menghafal atau mengulangi dengan tujuan mengingatkan struktur bahasa sasaran.

Dalam definisi Tarone, strategi pembelajaran tidak berhubung kait dengan strategi komunikasi. Sebagai contoh, penghafalan ialah sejenis strategi pembelajaran dan bukan sejenis strategi komunikasi. Begitu juga dengan pengulangan ejaan sesuatu perkataan. Dalam hal seperti ini, pengulangan ejaan bukanlah bererti untuk menyampaikan sesuatu maksud tetapi untuk mempelajari ejaan perkataan tersebut.

Strategi komunikasi pula digunakan untuk mengimbangi kekurangan pengetahuan linguistik penutur semasa menyampaikan mesej. Dengan ini Tarone (ibid) berpendapat bahawa strategi pembelajaran dan strategi komunikasi mungkin dapat dibezaikan sekiranya dapat dilihat motivasi yang mendorongkan penutur untuk menggunakan sesuatu strategi. Namun masih terdapat beberapa masalah yang timbul seperti:

- (a) Kita tidak dapat mengukur motivasi.
- (b) Motivasi seseorang itu mungkin bersifat ingin mempelajari serta berkomunikasi.
- (c) Seseorang itu mungkin dapat menguasai bahasa dengan secara tidak disedarinya walaupun pada mulanya ia menggunakan strategi hanya untuk menyampaikan maksud.

Bialystok pula melihat strategi pembelajaran melalui ciri-ciri yang berdasarkan pelajar itu sendiri dan strategi komunikasi melalui ciri-ciri yang berdasarkan bahasa yang digunakannya. Menurut Bialystok (1983: 101), strategi pembelajaran merujuk kepada:

"activities in which the learner may engage for the purpose of improving target language competence and hence, are revealed by the learner."

Contoh-contoh yang ditemui oleh Bialystok (ibid) menunjukkan ciri-ciri penting dalam pembelajaran bahasa iaitu: dapat meneka dengan baik, rela kelihatan bodoh (Rubin, 1975); bertimbang rasa dan sabar terhadap penutur dan bahasa yang digunakannya (Stern, 1975); dan sentiasa cuba mendapatkan pengetahuan yang lebih (Caroll, 1977).

Strategi komunikasi pula dapat dilihat melalui analisis linguistik pelajar (Bialystok, ibid). Pendapat ini disokong oleh beberapa orang pengkaji seperti berikut: strategi komunikasi dapat menunjukkan sejauh mana bahasa ibunda pelajar mempengaruhi ujaran pelajar dalam bahasa sasaran (Taylor, 1975 dalam Faerch dan Kasper, 1983); cara pelajar memberi konsep bagi perkataan yang tidak diketahuinya dalam bahasa sasaran

(Tarone, 1977); dan sejauh mana leksikon dalam bahasa sasaran disimplifikasikan (Blum-Kulka dan Levenston, 1983).

Dari segi pragmatik, apa pula yang akan dilakukan oleh pelajar untuk berkomunikasi. Dengan ini secara tidak langsung strategi pembelajaran akan memainkan peranannya dalam strategi komunikasi. Walaupun Tarone (1983) mengatakan strategi pembelajaran tidak memainkan peranan dalam komunikasi, pada pendapat saya strategi pembelajaran dan strategi komunikasi saling membantu dan tidak dapat dipisahkan, memandangkan 'successful strategies of communication may eventually lead to language learning' (Corder, op.cit.).

Bialystok (1983: 102) juga mempunyai pendapat yang sama iaitu:

"any strategy may potentially operate as either a learning or a communication strategy: ideally the implementation of a strategy leaves a positive mark on both learning and communication".

Sebagai contoh, strategi komunikasi seperti strategi pemindahan dari B1 ke B2, generalisasi, peminjaman, malah strategi rayuan juga boleh membawa kepada pembelajaran sekiranya pendengar dapat menerima dan

memahami maksud yang hendak disampaikan oleh penutur.

Menurut Bialystok (ibid) strategi komunikasi merangkumi segala percubaan untuk mengatasi sistem linguistik yang terhad untuk berkomunikasi. Sekiranya pembelajaran berlaku, maka ia berfungsi sebagai strategi pembelajaran, tetapi strategi itu sendiri tidak mempunyai ciri-ciri semulajadi yang boleh menentukan peranan penggunaannya. Kurt Kohn (1979 dalam Bialystok, 1983) menyatakan bahawa strategi boleh ditentukan sama ada strategi pembelajaran atau strategi komunikasi hanya selepas kesannya diketahui.

Kesimpulannya strategi pembelajaran digunakan hanya untuk memperkembangkan sistem antarabahasa pelajar, dan bukan untuk berkomunikasi. Walaupun strategi pembelajaran dan strategi komunikasi tidak dapat dibezakan secara teori, namun perbezaan dapat dilihat dalam penggunaan di antara kedua-duanya. Oleh kerana kajian ini memberi tumpuan kepada strategi komunikasi, maka hanya strategi komunikasi yang digunakan oleh subjek diambil kira dan kepastian diperolehi dengan cara introspektif untuk mengesahkan penggunaan strategi oleh subjek dalam kajian ini.

2.3.2 Strategi dan Proses

Dalam strategi komunikasi antarabahasa, istilah 'strategi' seringkali ditukarganti dengan istilah 'proses'. Ini memberi satu implikasi bahawa kedua-dua istilah itu merujuk kepada kelas fenomena yang sama.

Blum-Kulka dan Levenston (1978 dalam Bialystok, 1990) menggunakan dimensi masa untuk membezakan strategi dengan proses. Menurut mereka 'strategi' adalah 'the way the learner arrives at a certain usage at a specific point in time'. Dengan ini bererti bahawa strategi berlaku secara berasingan dan ditunjukkan pada suatu masa yang tertentu. Oleh yang demikian seorang pelajar boleh menggunakan strategi simplifikasi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapinya pada masa itu. Misalannya, pelajar B2 yang tidak mempunyai pengetahuan tentang perkataan 'rose' mungkin akan menggunakan perkataan 'flower' sahaja dalam ujarannya sebagai satu cara untuk mempermudahkan komunikasi.

Perkataan yang diulang beberapa kali dalam ujaran boleh membawa kepada satu penukaran dalaman dalam bahasa kedua. Misalannya, seorang pelajar yang menggunakan perkataan 'flower' sebagai satu perkataan

untuk merujuk kepada perkataan 'rose', maka antarabahasa pelajar tersebut telah dipermudahkan. Ini dirujuk sebagai proses simplifikasi. Oleh yang demikian Blum dan Levenston (*ibid*) mendefinisikan 'proses' sebagai 'the systematic series of steps by which the learner arrives at the same usage over time'.

Ciri yang paling penting bagi kedua-dua cara yang dikemukakan memberi satu cadangan bahawa corak penggunaan bahasa tidak berubah, dan ini menunjukkan bahawa konsep strategi dan proses tidak ada perbezaan. Faerch dan Kasper (1983), dan Bialystok (1978), pula mengemukakan pandangan yang berbeza mengenai proses dan strategi. Mereka menggunakan kriteria yang sama untuk mengklasifikasikan proses sebagai 'obligatory' dan bersifat menyeluruh. Ini bererti semua pelajar akan melalui proses dalam pembelajaran B2. Sebaliknya, strategi adalah 'optional mental activities' atau 'optional mechanisms' yang digunakan oleh pelajar B2. Implikasinya ialah pelajar boleh membuat pilihan semasa menggunakan strategi dalam komunikasi.

Proses selalunya ditakrifkan secara umum. Brown (1976 dalam Faerch dan Kasper, 1983a: 30) mendefinisikan proses sebagai 'continuing development involving a number of changes'. Definisi ini tidak

jauh bezanya dengan definisi Klaus dan Buhr (1976: 990) yang mendefinisikan proses sebagai 'a dynamic sequence of different stages of an object or system'. Walaupun proses dilihat secara umum, tetapi ia tergolong dalam kategori kajian antarabahasa. (Faerch dan Kasper, ibid). Berdasarkan definisi-definisi proses yang diberikan, maka tidak wajar dikategorikan strategi komunikasi sebagai satu sub-kelas proses, tetapi sebagai salah satu kategori dalam penghasilan ujaran.

Faerch dan Kasper (1983a: 31) turut membezakan proses dengan strategi dengan menggunakan 'problem-orientedness' sebagai kriteria utama dan 'consciousness' sebagai kriteria kedua untuk merujuk kepada strategi komunikasi. Ini bermakna bahawa apabila terdapat masalah dalam komunikasi, pelajar akan cuba menyelesaikan masalah tersebut dalam proses perancangan dan penghasilan ujarannya. Maka ini menunjukkan strategi digunakan secara sedar kerana pelajar sedar akan masalah yang sedang dihadapinya. Namun apa yang dipertikaikan ialah sama ada strategi yang digunakan itu strategik atau pun tidak.

Ciri-ciri yang disarankan oleh Faerch dan Kasper (1983: 214) boleh digunakan sebagai panduan untuk membuktikan berlakunya strategi dalam komunikasi

pelajar. Contohnya:

- (a) selang masa yang berubah-ubah (temporal variables) seperti terdiam seketika atau jeda artikulasi, pemanjangan suku kata dan pengulangan.
- (b) pembetulan sendiri (self-repairs) dengan memulakan semula ujaran (new starts) atau pun 'false start'.
- (c) kesilapan percakapan (lapses, speech errors).

Pada pendapat Bialystok (1990), ciri-ciri ini tidak semestinya menunjukkan komunikasi yang strategik kerana ada orang yang menunjukkan ciri-ciri tersebut tetapi tidak menghadapi masalah dalam komunikasinya. Namun, tanpa ciri-ciri ini pun ujaran dapat dilaksanakan juga. Sehingga masa kini, masih tidak dapat ditentukan sama ada strategi mempunyai taraf yang sama dengan proses, atau pun satu aspek yang terpisah dari proses pembelajaran B2.

2.4 Definisi Strategi Komunikasi

Dalam kajian-kajian yang telah dijalankan dua dekad yang lalu, para pengkaji dengan seberapa daya mencuba mengenal pasti, memberi definisi dan menerangkan maksud strategi yang sebenar. Kesungguhan mereka ini dapat dilihat dalam beberapa definisi yang berikut yang

telah memberangsangkan penyelidikan dalam strategi komunikasi. Mereka mendefinisikan strategi komunikasi sebagai:

- (i) 'a systematic technique employed by a speaker to express his meaning when faced with some difficulty.'

(Corder, 1977)

- (ii) 'a mutual attempt of two interlocutors to agree on a meaning in situations where requisite meaning structures are not shared.'

(Tarone, 1980)

- (iii) 'a systematic attempt by the learner to express or decode meaning in the target language (TL) in situations where the appropriate systematic TL rules have not been formed.'

(Tarone, Cohen dan Dumas, 1983)

- (iv) 'a conscious attempt to communicate the learner's thought when the inter-language structures are inadequate to convey that thought.'

(Varadi, 1983)

- (v) 'the speaker's attempt to communicate meaningful content, in the face of some apparent lacks in the inter-language system.'

(Tarone, 1983)

- (vi) 'potentially conscious plans for solving what to an individual presents itself as a problem in reaching a particular communicative goal.'

(Faerch dan Kasper, 1983a)

(vii) `techniques of coping with difficulties in communicating in an imperfectly known second language.'

(Stern, 1983)

Dengan adanya berbagai pendapat yang berbeza oleh pengkaji dalam bidang ini, maka timbulah percanggahan pendapat dan kekeliruan mengenai strategi komunikasi. Misalnya, Tarone (1983) tidak bersetuju dengan penggunaan perkataan 'conscious' yang dikemukakan oleh Faerch dan Kasper (1983a) bagi mendefinisikan strategi komunikasi. Ini adalah kerana sukar untuk menentukan sama ada strategi komunikasi berlaku pada tahap sedar atau pun tidak.

Ada baiknya jika pelajar menggunakan strategi secara sedar kerana mereka boleh berfikir dan merancang terlebih dahulu mengenai apa yang harus diujarkan supaya mereka dapat berkomunikasi dengan lebih berkesan dan dengan jayanya. Apabila keadaan ini berlaku, strategi komunikasi yang digunakan akan bertukar kepada strategi pembelajaran. Pelajar mungkin tahu dan ingat strategi yang mana yang harus digunakan sekiranya berhadapan dengan masalah dalam komunikasi.

Tarone (1980) pula mendefinisikan strategi komunikasi sebagai suatu 'mutual attempt of two interlocutors' yang merujuk kepada penutur dan pendengar sama-sama berusaha untuk mencapai matlamat komunikasi. Dalam situasi ini penutur dan pendengar bekerjasama atau saling bertindak supaya penutur dapat menyampaikan mesej dengan jayanya. Misalnya apabila penutur menggunakan strategi komunikasi secara langsung atau pun tidak, pendengar cuba menolongnya dengan menyebut perkataan yang dimaksudkannya.

Walaupun definisi yang diberikan kelihatan berbeza, tetapi kesemuanya memberi tumpuan kepada tiga ciri iaitu pertama, halangan atau masalah; kedua, kesedaran; dan ketiga, kesengajaan. Pada umumnya strategi komunikasi dapat dilihat sebagai cara dan usaha seseorang untuk berkomunikasi dan menyampaikan mesej dengan menggunakan pengetahuan linguistik yang terhad yang ada padanya untuk mengatasi berbagai situasi dalam komunikasi.

2.5 Ciri-Ciri Dalam Definisi Strategi Komunikasi


Faerch dan Kasper (1983: 31) menggunakan kriteria yang berorientasikan 'masalah' sebagai kriteria utama dan 'kesedaran' sebagai kriteria kedua untuk

mendefinisikan strategi komunikasi.

2.5.1 Strategi Komunikasi Yang Berorientasikan Masalah

Masalah di sini merujuk kepada masalah yang dialami oleh seseorang individu untuk mencapai matlamat dalam komunikasi. Klaus dan Buhr (1976 dalam Faerch dan Kasper, 1983) pula mendefinisikan masalah sebagai 'recognition by an individual... of the insufficiency of his ... existing knowledge to reach a ... goal and of the consequent need for expanding this knowledge.' Dengan ini jelas menunjukkan bahawa bagi pelajar bahasa asing, 'insufficient knowledge' merujuk kepada sistem antarabahasanya.

Menurut Faerch dan Kasper (*ibid*), masalah boleh disamakan dengan 'matlamat strategik' dan hasil ujaran yang dikawal oleh strategi ini merupakan satu penyelesaian kepada masalah komunikasi. Ini dapat dilihat dalam rajah 2 berikut:



Rajah 2: Matlamat Komunikasi dan Strategik
(dipetik dari Faerch dan Kasper, 1983a)

Selain daripada Faerch dan Kasper, Kellerman dan Jordens juga menggunakan kriteria yang berorientasikan masalah untuk mendefinisikan strategi. Kellerman (1977: 93) mendefinisikan strategi sebagai 'a well-organised approach to a problem.' Jordens (1977: 14) pula menyatakan bahawa 'strategies can only be applied when something is acknowledged as problematic.' Ini menunjukkan bahawa strategi hanya boleh digunakan apabila penutur merasakan adanya masalah yang boleh mengganggu kelancaran komunikasinya.

Tidak boleh dinafikan bahawa adanya masalah komunikasi dalam B2 sehingga penutur terpaksa menggunakan beberapa strategi untuk mengatasi masalah

tersebut. Namun ada kalanya terdapat penggunaan strategi komunikasi walaupun penutur tidak mengalami sebarang masalah (Bialystok, 1990).

2.5.2 Kesedaran

Sekiranya pelajar menggunakan strategi semasa mengalami masalah untuk mencapai matlamat dalam komunikasi, maka ini membawa kepada implikasi bahawa pelajar tersebut sedar yang dia sedang mengalami kesukaran untuk menyelesaikan masalah yang sedang dihadapinya. Namun kita tidak dapat memberi kepastian sama ada seorang penutur itu betul-betul menyedari yang dia sedang menggunakan strategi komunikasi secara sistematik dengan memilih cara-cara yang tertentu untuk menyelesaikan masalah komunikasinya.

Pendapat Faerch dan Kasper mengenai kesedaran dalam penggunaan strategi komunikasi diperkuatkan lagi oleh Varadi (1983) dan Tarone (1977) dengan mengatakan strategi adalah sebagai rancangan yang digunakan secara sedar oleh pengguna bahasa. Namun terdapat dua masalah utama untuk menentukan kesedaran dalam penggunaan strategi iaitu:

- (i) Kita tidak dapat mengukur tahap kesedaran dalam rancangan strategi yang digunakan.
- (ii) Kesedaran tidak semestinya sama bagi sesuatu rancangan yang tertentu untuk setiap individu.

Sharwood Smith (1979 dalam Faerch dan Kasper '83a) berpendapat bahawa 'different individuals may be more or less able to become aware of their own internal mental operations.' Ini memberi implikasi kepada satu proses untuk membangkitkan kesedaran. Walaupun proses mental boleh dikatakan berlaku secara automatik, tetapi ini tidak boleh disamakan dengan ketidaksedaran, dan ini juga tidak bererti bahawa apa yang berlaku dalam komunikasi berlaku secara tanpa sedar.

2.5.3 Saling Bertindak (Interactional)

Menurut definisi 'interactional' yang diberikan oleh Tarone (dalam Faerch dan Kasper 1983b), strategi komunikasi bersifat bekerjasama. Perbezaan antara pengetahuan linguistik penutur dan pendengar memerlukan perundingan maksud kerana kedua-duanya menyedari tentang masalah komunikasi yang dihadapi, dan mereka terpaksa bekerjasama untuk mencuba menyelesaikan masalah tersebut.

Tarone (1983: 65) juga berpendapat bahawa wujudnya satu jurang pemisah di antara sistem linguistik dan sistem semantik penutur dan pendengar. Alasan yang diberinya ialah:

- (i) tidak seorang pun yang dapat menguasai keseluruhan leksikon bahasa ibundanya sendiri;
- (ii) seseorang mungkin terlupa tentang sesuatu yang pernah dipelajarinya;
- (iii) setiap individu mempunyai sistem semantiknya sendiri yang berbeza dengan sistem semantik orang lain dan kita perlu menggunakan strategi komunikasi untuk berunding dan berkongsi makna sekiranya istilah yang sama mempunyai makna yang berbeza.

Melihat dari jurang perspektif yang dikemukakan oleh Tarone, maka strategi komunikasi dapat digunakan sebagai penyambung jurang pemisah di antara pengetahuan linguistik pelajar B2 dengan pengetahuan linguistik penutur bahasa sasaran dalam sesuatu situasi komunikasi sebenar. Tarone (*ibid*) mencadangkan kriteria berikut untuk mencirikan strategi komunikasi:

- (i) seorang penutur berniat untuk menyampaikan maksud X kepada seorang pendengar;
- (ii) penutur tersebut merasakan bahawa struktur linguistik atau struktur sosiolinguistik yang diperlukan untuk menyampaikan maksud X tidak dikuasainya atau tidak dikongsi

- bersama oleh pendengar;
- (iii) penutur berkenaan boleh membuat salah satu pilihan:
- (a) mengelak tanpa mencuba menyampaikan maksud X; atau
 - (b) mencuba cara lain untuk menyampaikan maksud X sehingga penutur merasakan maksud yang ingin disampaikan itu jelas dan dapat dikongsi bersama oleh pendengar.

Nampaknya di sini penutur mencuba mencari penyelesaiannya sendiri dalam mengatasi masalah menyampaikan maksud. Ada kalanya penutur meminta kerjasama daripada pendengar, dan pendengar pula dengan rela hati membantu atau memberi kerjasama semata-mata untuk menyelesaikan masalah komunikasi dan untuk memastikan interaksi berjalan lancar antara keduanya.


2.5.4 Psikolinguistik

Ciri Psikolinguistik yang disarankan oleh Faerch dan Kasper (1983) dalam definisinya berhubung kait dengan masalah yang dialami oleh pelajar dalam penerimaan dan penghasilan pertuturan. Nampaknya definisi ini tidak sehaluan dengan definisi 'interactional' oleh Tarone.

Strategi yang digunakan oleh pelajar mungkin menunjukkan ciri-ciri kerjasama iaitu pelajar cuba menyelesaikan masalah komunikasinya dengan meminta bantuan daripada pendengar. Namun ini bukanlah suatu keperluan kerana ada kalanya pelajar mungkin ingin mencari penyelesaiannya sendiri dengan tidak dibantu oleh pendengar. Ini menunjukkan bahawa pelajar mungkin menggunakan satu strategi komunikasi tanpa memberi isyarat kepada pendengar yang dia sedang mengalami masalah komunikasi.

Satu perbezaan yang menonjol dalam ciri 'interactional' ialah strategi komunikasi dapat dikesan secara langsung dalam data pertuturan, manakala ini tidak selalunya berlaku dengan strategi yang berdasarkan ciri psikolinguistik. Ini adalah kerana pengkaji mungkin terpaksa bergantung kepada bukti-bukti yang terdapat secara tidak langsung dalam penghasilan pertuturan.

Pendekatan psikolinguistik yang digunakan oleh Faerch dan Kasper (1983a: 22) meletakkan strategi komunikasi dalam satu model penghasilan pertuturan seperti dalam Rajah 3 berikut:



Rajah 3: Model Umum Penghasilan Pertuturan
 (Dipetik dari Faerch dan Kasper 1983a: 22)

Seorang penutur yang berada di fasa perancangan akan memilih struktur dan perkataan yang difikirkan paling sesuai untuk memantapkan satu rancangan bagi melaksanakan pertuturan yang dapat mencapai matlamat komunikasinya. Ini mungkin dapat dilakukan dengan cepat bagi pelajar yang fasih dan berkebolehan.

Faerch dan Kasper (*ibid*) berpendapat bahawa dalam komunikasi B1, proses perancangan biasanya berlaku secara separuh sedar dan automatik, dan ini boleh mengakibatkan pemindahan dari B1 ke B2 sekiranya pengetahuan linguistik B2 pelajar belum cukup sempurna.

Dengan ini fasa pelaksanaan dikawal oleh satu rancangan yang dihasilkan oleh proses perancangan.

Dalam fasa pelaksanaan pula seorang penutur akan melalui proses neurologi dan fisiologi yang melibatkan artikulasi organ pertuturan, penulisan, dan penggunaan gerak isyarat. Ini bererti penutur tersebut mungkin dapat menjangka atau mengalami masalah semasa melaksanakan sesuatu rancangan dan ini menyebabkan kemungkinan berlakunya penggunaan strategi komunikasi.

Menurut pendapat Faerch dan Kasper (ibid), masalah mungkin timbul dalam fasa perancangan mahu pun fasa pelaksanaan. Dalam fasa perancangan seorang penutur akan mengalami masalah sekiranya dia tidak dapat membina satu rancangan yang boleh menolongnya mencapai matlamat komunikasi. Ini adalah mungkin kerana dia merasakan yang dia tidak mempunyai pengetahuan linguistik yang mencukupi untuk mencapai matlamat tersebut. Masalah sebegini boleh disamakan dengan komunikasi antarabahasa kerana sistem antarabahasa lebih terhad daripada sistem Bl. Penutur juga mungkin meramalkan bahawa dia akan mengalami masalah semasa mencuba melaksanakan sesuatu rancangan. Masalah ini berhubung dengan kefasihan dan ujaran yang betul. Oleh itu untuk mengelak daripada timbulnya masalah, pelajar tersebut mungkin menukar rancangannya.

Dalam fasa pelaksanaan pula, masalah mungkin timbul apabila penutur mencuba melaksanakan rancangan, dan masalah ini harus diselesaikan dengan apa cara juga. Ini memberi implikasi bahawa pelajar menggunakan strategi komunikasi dalam kedua-dua fasa untuk mengatasi masalah kekurangan pengetahuan linguistiknya.

Nampaknya ciri psikolinguistik Faerch dan Kasper banyak menekankan tentang masalah dan kesedaran. Pelajar mungkin mengguna strategi komunikasi secara sedar atau pun secara tidak sedar dalam sesetengah situasi tertentu untuk menyelesaikan masalah komunikasi yang sedang dihadapinya.

2.6 Klasifikasi dan Taksonomi Strategi Komunikasi

Kebanyakan huraian mengenai strategi komunikasi dikemukakan dalam suatu taksonomi. Menurut Bialystok (1990: 37), taksonomi atau tipologi adalah 'systematic organizing structures for a range of events within a domain'.

Tidak sukar bagi kita untuk menentukan bahawa penutur telah menggunakan beberapa strategi untuk berkomunikasi, tetapi amat sukar bagi kita untuk mengenalpasti jenis strategi yang digunakan, kenapa ia

digunakan dan sama ada strategi itu berkesan atau tidak. Namun beberapa orang pengkaji telah mengenalpasti dan mengklasifikasi strategi berkomunikasi yang ditemui dalam kajian yang mereka telah jalankan secara empirikal. Sebahagian daripada pengkaji-pengkaji ini terdiri daripada Tarone (1977), Varadi (1983), Bialystok (1983), Faerch dan Kasper (1983a), dan Paribakht (1985).

Pengklasan strategi merupakan satu senarai strategi komunikasi yang disusun dalam satu taksonomi. Salah satu tipologi yang mula-mula sekali disusun secara teratur ialah tipologi Tarone (1977) seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Tipologi Strategi Komunikasi Tarone
(dipetik dari Bialystok, 1990: 39)

1. Pengelakan

- (a) pengelakan topik
- (b) peninggalan mesej

2. Parafrasa

- (a) penghampiran
- (b) penciptaan perkataan baru
- (c) penghuraian

3. Pemindahan Secara Sedar

- (a) terjemahan literal
- (b) penukaran kod bahasa

4. Rayuan Kerjasama

5. Penggunaan Isyarat

Dalam pemerhatian Tarone, pelajar dengan sengaja membuat keputusan tidak mahu meneruskan pertuturan kerana mereka dapat menjangka masalah komunikasi akan timbul apabila sesuatu aspek tatabahasa atau leksikal tidak diketahuinya. Ini adalah satu perkara biasa bagi pelajar bahasa kedua.

Apabila pelajar merasakan topik atau perkataan tertentu akan menimbulkan masalah, dia akan terus meninggalkan topik tersebut. Dengan ini pelajar tersebut telah menggunakan strategi pengelakan topik.

Dalam strategi peninggalan mesej pula, pelajar meneruskan ujarannya dengan menukar kepada perbincangan lain sekiranya dia terperangkap dalam satu situasi linguistik yang mencabar yang boleh menggugat keupayaannya untuk berkomunikasi dengan lancar.

Tarone juga telah mengklasifikasikan parafrasa kepada 3 kategori iaitu: penghampiran, penciptaan perkataan baru dan penghuraian. Semasa menggunakan strategi penghampiran, penutur mungkin sedar bahawa perkataan yang digunakannya itu kurang tepat, tetapi

mempunyai ciri-ciri semantik yang hampir sama dengan istilah bahasa kedua yang hendak disampaikannya. Konsep istilah itu juga mungkin dapat diterima oleh pendengar. Contoh yang diberikan oleh Tarone ialah perkataan 'worm' digunakan untuk 'silkworm'.

Apabila pelajar tidak mengetahui sesuatu istilah dalam bahasa sasaran, dia mungkin mencipta satu perkataan baru untuk menyampaikan sesuatu maksud atau konsep. Oleh itu dia terpaksa mengguna satu strategi secara kreatif dengan mencipta satu perkataan baru walaupun perkataan itu tidak wujud dalam bahasa sasaran. Contoh yang dikemukakan oleh Varadi (1983) ialah penciptaan perkataan 'airball' bagi menggantikan istilah 'balloon'.

Menurut Tarone, (op.cit) seorang penutur yang tidak dapat mengguna struktur bahasa dengan sempurna akan menghurai secara panjang lebar ciri-ciri sesuatu objek atau sesuatu perbuatan dengan harapan pendengar dapat meneka objek yang dimaksudkannya. Blum-Kulka dan Levenston (1983) menjelaskan bahawa dalam domain strategi komunikasi, penghuraian memberikan kesemua ciri-ciri semantik yang berkaitan dengan benda yang hendak disampaikan oleh penutur. Strategi sebegini mungkin dapat memberi kemudahan kepada pendengar untuk

memahami maksud yang hendak disampaikan.

Pemindahan secara sedar pula melibatkan terjemahan literal perkataan atau frasa. Contoh yang diberikan oleh Tarone ialah seorang penutur Mandarin telah menterjemahkan 'Mandarin toast' kepada 'He invites him to drink'. Sebaliknya, penukaran kod bahasa merupakan satu pemindahan perkataan dari bahasa ibunda atau bahasa lain tanpa mengubah langsung perkataan tersebut. Kemudian Tarone (1981) sendiri telah mengubah nama strategi ini kepada strategi peminjaman.

Strategi rayuan kerjasama Tarone bermaksud pelajar meminta bantuan secara langsung daripada sumber yang boleh dipercayai seperti penutur asli, pengkaji atau pun merujuk kepada sebuah kamus untuk mendapatkan istilah yang diperlukan dalam komunikasinya. Selalunya strategi ini melibatkan pertanyaan terus dari penutur kepada pendengar untuk mendapatkan bantuan dengan segera agar dia dapat meneruskan komunikasi tanpa gangguan kekurangan leksikal yang dialaminya.

Ada kalanya penutur meminta bantuan daripada pendengar secara tidak langsung. Ini dilakukan dengan cara meninggikan nada suara, memanjangkan suku kata akhir, merenung pendengar, atau memberi gerak isyarat

supaya pendengar dapat meneka bahawa penutur memerlukan bantuan darinya. Strategi sebegini berbeza sedikit daripada strategi penggunaan isyarat atau paralinguistik yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu konsep. Contoh yang diberikan oleh Tarone ialah subjek cuma perlu bertepuk tangan untuk menyatakan 'applause'. Namun, tidak semua strategi isyarat yang digunakan dapat difahami oleh pendengar.

Taksonomi Bialsytok (1983) pula berdasarkan kepada beberapa sumber maklumat yang digunakan oleh penutur untuk menyelesaikan masalah komunikasi. Beliau mengklasifikasikan taksonominya kepada tiga kategori iaitu:

1. Strategi berdasarkan bahasa ibunda
 - (a) penukaran kod bahasa
 - (b) pengubahsuaian
 - (c) terjemahan literal
2. Strategi berdasarkan bahasa kedua
 - (a) penghampiran
 - (b) penghuraian
3. Strategi paralinguistik

Walaupun taksonomi Tarone dan taksonomi Bialystok kelihatan sama, tetapi susunannya berbeza. Menurut Corder (1983) dasar sesebuah taksonomi ialah penutur

dapat mencapai matlamat komunikasi dengan mengguna beberapa strategi untuk menyampaikan maksud.

Faerch dan Kasper (1983a) menitikberatkan strategi pencapaian dalam penyelesaian masalah dan sebaliknya strategi pengurangan untuk mengelak daripada kesukaran dalam komunikasi. Strategi ini sama seperti strategi pengelakan Tarone.

Setelah meneliti dan menggabungkan taksonomi yang telah dikemukakan oleh Tarone (1977), Bialystok (1983), dan Faerch dan Kasper (1983a), satu taksonomi untuk responden dalam kajian ini telah diolah dan diubahsuai seperti dalam Jadual 2. Rasional pengubahsuai taksonomi ini adalah kerana didapati susunannya tidak berapa teratur dan tidak lengkap bagi memenuhi kehendak penggunaan strategi komunikasi responden dalam kajian ini. Taksonomi yang dimaksudkan adalah seperti yang terdapat di halaman berikut.

Jadual 2: Taksonomi Untuk Kajian Ini

1. Strategi Berdasarkan Bahasa Ibunda

- (a) penukaran kod bahasa
- (b) terjemahan literal

2. Strategi Berdasarkan Bahasa Kedua

- (a) parafrasa
- (b) penghampiran
- (c) pengulangan
- (d) penggunaan perkataan yang tidak betul

3. Strategi Rayuan Bantuan Kerjasama

- (a) rayuan secara langsung
- (b) rayuan secara tidak langsung

4. Strategi Bukan Verbal

- (a) untuk mengganti ujaran
- (b) menyertai ujaran

5. Strategi Pengelakan

- (a) pengelakan topik
- (b) meninggalkan mesej.